



## **Inaugural Seminar Paediatric Burns, Trauma & Update on Paediatric laparoscopic Surgery**

**Inaugural Seminar Paediatric Burns, Trauma & Update on Paediatric Laparoscopic Surgery** yang akan diadakan pada **29hb. November 2007** di `Stargate`, Jabatan Surgeri, **Tingkat 8, Blok Klinikal, Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia**. Seminar ini adalah sempena perlantikan **Profesor Tan Hock Lim**, sebagai **Profesor Ulung Universiti Kebangsaan Malaysia** pada **1hb. Oktober 2007** bagi membangunkan `Advanced Surgical Skill Centre` (ASSC) di **Universiti Kebangsaan Malaysia**.

Manakala itu, **Majlis Perasmian** seminar ini akan diadakan pada **29 November 2007 (Khamis)** jam **2.00 petang** di **Dewan Serbaguna, Tingkat 9, Blok Klinikal** yang akan dirasmikan oleh **YBhg. Tan Sri Datuk Dr. Haji Ismail Merican, Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia**.

**Profesor Tan Hock Lim** sebagai `Course Director` akan bersama-sama **Profesor Jacob Langer, Pakar** daripada **Sick Kids Hospital, Toronto**, **Profesor AL Sparnon, Ketua `Paediatric Burns Services`, Women's and Children's Hospital, Adelaide, Australia** dan **Profesor Sebastian van As, Ketua Unit Trauma, Red Cross War Memorial Children's Hospital Cape Town South Africa** akan memberi sesi ceramah dan juga menjalankan sesi pembedahan.

Adalah menjadi harapan agar kemahiran dan kepakaran yang akan diberikan dan ditunjukkan oleh pakar-pakar jemputan ini dapat dimanfaatkan oleh kakitangan klinikal **Universiti Kebangsaan Malaysia** bagi memastikan perkhidmatan terkini yang sedang dibangunkan oleh **Hospital UKM** menjadi kenyataan.

Pegawai Perhubungan Awam  
Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia  
(6/11/2007)